



# SIRI AMBIL TAHU BIL.3/2024 PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN



Rujukan: Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012

## DEFINISI

Pengesahan Dalam Perkhidmatan bermaksud proses memperakukan pegawai memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dari semasa ke semasa. Setiap pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun.

## PERAKUAN DAN KELULUSAN

GRED	PERAKUAN	KELULUSAN
VK07 dan ke atas	JP KURSI	LPU
45 - 54	JPG	JPU
41 - 43	JPPE	JPU
11-29	JKP	JPU

## SYARAT-SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

### SYARAT WAJIB

- Memenuhi tempoh percubaan satu (1) tahun hingga tiga (3) tahun;
- Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM);
- Lulus peperiksaan yang disyaratkan seperti yang ditetapkan skim perkhidmatan (Jika berkaitan)
- Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

### SYARAT UNIVERSITI

- Hadir dan Lulus Kursus Baseline Competency for Differentiated Career Pathways (BC4DCP) - bagi staf Akademik / Program Sijil Eksekutif Pendidikan Tinggi (SEPT) – bagi Gred 41 ke atas;
- Markah penilaian prestasi - Staf Akademik : 80% pada tahun terkini ;
- Markah penilaian prestasi - Staf PPP : 1 tahun : 90%, 2 tahun : 85% (purata) dan 3 tahun : 80% (purata)
- Lulus perisytiharan harta;
- Rekod Kehadiran yang cemerlang;
- Lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik

## KESAN TIDAK DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN

### Penamatan Perkhidmatan

Perkhidmatan Pegawai boleh ditamatkan oleh Universiti dengan diberi tiga puluh (30) hari notis atau dibayar satu (1) bulan gaji sebagai ganti notis atau sekiranya tempoh percubaan Pegawai dipertimbangkan oleh Universiti untuk dilanjutkan dibawah kuasa Universiti, ianya hendaklah dengan tidak berdenda atau berdenda tertakluk kepada keputusan Universiti

### Pelanjutan Tempoh Percubaan

- Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda” disebabkan oleh kecuaiian dan kelemahan pegawai - Gagal peperiksaan/ PTM – pelanjutan selama satu tahun denda dan satu tahun denda dengan amaran
- Pelanjutan tempoh percubaan tanpa denda” bukan disebabkan oleh kecuaiian atau kelemahan pegawai; - Program Transformasi Minda (PTM) atau peperiksaan tidak diadakan atau di luar kawalan pegawai

## PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pihak Universiti boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan jika pegawai itu telah

(a) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam borang pemeriksaan perubatan;

b) membuat akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 20(1)(b) dan subperaturan 20(2);

c) gagal mematuhi kehendak dalam subperaturan 20(3); atau

(d) meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya.